



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	9/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	PERHILITAN		

Peneroka masih bimbang serangan harimau belang

Kosmo, 9 Ogos
2021_14

DUNGUN – Para peneroka di Ladang Sawit Kertih 4, Ketingah Jaya masih berasa bimbang mengenai keselamatan diri dan ternakan mereka walaupun pihak berkuasa telah menangkap seekor harimau belang bergelar Atan Kerteh kelmarin.

Ia berikutan masih terdapat beberapa lagi harimau yang dipercayai masih berkeliaran bebas di lokasi tersebut.


Seorang peneroka, Engah Abdullah, 64, mendakwa, dia sering terdengar bunyi ngauman harimau sewaktu memasuki kawasan ladang kelapa sawit pada waktu pagi.

“Walaupun berjaya tangkap seekor, kita masih risau untuk ke ladang sebab masih banyak lagi harimau berkeliaran.

“Selagi tak tangkap semua, selagi tu kami peneroka masih rasa bimbang. Lembu saya sendiri pun sudah tujuh ekor dibaham harimau sejak tahun lalu,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Tambahnya, meskipun pernah rasa berputus asa, dia tetap meneruskan aktiviti menternak dan mengusahakan ladang sawit kerana itu satu-satunya punca rezeki keluarga.

Semalam *Kosmo!* Ahad melaporkan, Atan Kerteh seberat 70 kilogram berjaya ditangkap selepas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Nega-



ENGAH



KERATAN *Kosmo!* semalam.

ra memasang perangkap sejak 10 hari lalu.

Sementara itu, Mohd Nawi Kadir, 62, yang baru setahun menternak lembu pula mendakwa, kandang lembunya pernah dimasuki harimau beberapa bulan lalu.

“Masa tu saya datang awal pagi untuk melepaskan lembu ternakan tetapi terkejut mendapati lembu tiada, manakala kandang pula sudah runtuh,” katanya.

